



Ruj. Kami : JKR.CPAB.800.010/1.10 (12)

Tarikh : 05 Oktober 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PERKARA: Pemakaian Sistem Pengurusan Senggaraan Bersepadu (SPSB) Sebagai Sumber Untuk Penyediaan Pelaporan Pengurusan Aset Tak Alih & Projek Senggara.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Bahagian Perundingan Pengurusan Aset (BPPA) di Cawangan Pengurusan Aset Bersepadu (CPAB) telah dipertanggungjawabkan untuk membuat pelaporan mengenai pelaksanaan pengurusan aset tak alih dan projek senggara bermula daripada Mei 2019.
3. Bagi menambahbaik perjalanan fungsi pelaporan, pihak kami telah mengorak langkah untuk membuat perolehan data, bagi tujuan pelaporan, secara cerapan daripada aplikasi SPSB, berbanding dengan kaedah perolehan secara manual daripada pejabat YBhg. Dato'/Tuan/Puan seperti yang diamalkan sebelum ini.
4. Sehubungan itu, bagi menjayakan usaha untuk membuat perolehan data secara sepenuhnya melalui cerapan daripada SPSB, kerjasama YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dimohon untuk membuat pengisian data sepenuhnya ke dalam aplikasi tersebut.
5. Saranan ini adalah selaras dengan Arahan KPKR Bil 30/2017 serta surat peringatan oleh KPKR bertarikh 02 September 2020 untuk pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan menggunakan aplikasi SPSB. Sesalinan surat berkenaan turut dilampirkan untuk rujukan.
6. Disamping pengisian data sepenuhnya ke dalam aplikasi SPSB, pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah turut digalakkan untuk memanfaatkan SPSB sebagai sumber data untuk menyedia laporan pemantauan di peringkat pejabat masing-masing. Melalui usaha sedemikian, YBhg. Dato'/Tuan/Puan akan turut sama dapat mengecapi faedah daripada pengisian data ke dalam sistem tersebut oleh kakitangan YBhg. Dato'/Tuan/Puan.



Tarikh : 65 Oktober 2020

7. Untuk rujukan YBhg. Dato/Tuan/Puan mengenai kemajuan pengisian data ke dalam sistem SPSB oleh pejabat masing-masing, dilampirkan bersama ini maklumat berikut:

- a. Perbandingan kebolehdapatan (availability) data peruntukan, melalui kaedah cerapan daripada SPSB, berbanding kaedah perolehan secara manual daripada pejabat masing-masing (Lampiran 1).
- b. Perbandingan prestasi perbelanjaan sehingga 21 September 2020, antara kaedah cerapan daripada SPSB, berbanding kaedah perolehan secara manual daripada pejabat masing-masing (Lampiran 2).

8. Adalah menjadi harapan agar aplikasi SPSB dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi pengisian dan perolehan data untuk bersama-sama kita memperkasakan fungsi pemantauan dan pelaporan di kedua-dua peringkat, iaitu di peringkat pejabat masing-masing dan di peringkat Jabatan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


 (Ir. HARJIT SINGH A/L INDER SINGH)
 Pengarah
 Bahagian Perundingan Pengurusan Aset
 Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
 Ibu Pejabat JKR Malaysia

SALINAN KEPADA

Pengarah Kanan
 Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
 Ibu Pejabat JKR Malaysia

Pengarah
 Bahagian Pengurusan Projek Kompleks
 Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
 Ibu Pejabat JKR Malaysia

Pengarah
 Cawangan Dasar Pengurusan Korporat
 (u.p: Puan Rohani Binti Mohd Said)



SENARAI EDARAN

1. Pengarah Kanan

Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 24-28, Blok G
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur

2. Pengarah Kanan

Cawangan Kejuruteraan Elektrik
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 11-16, Blok G
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur

3. Pengarah

Cawangan Senggara Fasiliti Jalan
Blok D (Lama), Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

4. Pengarah

Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 1, Blok F
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

5. Pengarah



Cawangan Kejuruteraan Cerun
Tingkat 12, Blok F, Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

6. Pengarah

JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya
Aras 3, Blok C7, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62582 Putrajaya

7. Pengarah

JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tingkat 17, Sunway Putra Tower
1000 Jalan Putra
50350 Kuala Lumpur



**Peratus Perbezaan Data Peruntukan
Cerapan daripada SPSB vs Perolehan secara Manual
Januari 2020 – September 2020
| (SPSB - Manual) / (SPSB atau Manual, Mana Lebih Tinggi) |**

■ CKC ■ CSFJ ■ CSFB ■ CKE ■ CKM ■ JKR WPP ■ JKR WPKL



**PRESTASI PERBELANJAAN PELAKSANAAN PROJEK/KERJA SENGARA JKR
SEHINGGA 21 SEPTEMBER 2020**

Cerapan Daripada SPSB Vs Perolehan Secara Manual



Peng. Prog.	CSFB				CSFJ				CKC			
	SPSB		Manual		SPSB		Manual		SPSB		Manual	
	RM	%	RM	%	RM	%	RM	%	RM	%	RM	%
Amambis	607,592,680.38	100.0%	655,515,481.68	100.0%	832,755,358.06	100.0%	834,163,229.72	100.0%	255,162,000.00	100.0%	255,442,000.00	100.0%
Peruntukan	2,349,782.23	2.6%	24,514,560.55	3.7%	0.00	0.0%	352,357,386.22	42.2%	0.00	0.0%	52,352,881.41	20.5%
Bayaran	2,382,882.77	2.6%	499,897,824.79	76.3%	0.00	0.0%	455,181,598.21	54.6%	0.00	0.0%	200,906,920.85	78.7%
Tanggungang	87,106,011.90	94.8%	131,103,096.34	20.0%	847,965.34	100.0%	26,624,245.29	3.2%	75,592,000.00	100.0%	2,182,197.74	0.9%

Peng. Prog.	CKE				CKM				JKR-WPP			
	SPSB		Manual		SPSB		Manual		SPSB		Manual	
	RM	%	RM	%	RM	%	RM	%	RM	%	RM	%
Amaun	111,834,890.00	100.0%	111,834,890.00	100.0%	36,957,608.08	100.0%	36,957,608.08	100.0%	273,057,857.86	100.0%	281,474,888.04	100.0%
Peruntukan	61,008,330.00	54.6%	60,229,574.63	53.9%	21,182,231.25	57.3%	21,188,970.48	57.3%	166,051,710.79	60.8%	151,256,905.07	53.7%
Bayaran	56,065,370.00	50.1%	7,435,592.73	6.6%	12,777,746.78	34.6%	12,777,746.78	34.6%	54,590,280.44	20.0%	11,453,808.35	4.1%
Tanggungang	-5,238,810.00	-4.7%	44,169,722.64	39.5%	2,997,630.05	8.1%	2,990,890.82	8.1%	52,415,866.63	19.2%	118,764,174.62	42.2%

Peng. Prog.	JKR-WPKL				Keseluruhan			
	SPSB		Manual		SPSB		Manual	
	RM	%	RM	%	RM	%	RM	%
Peruntukan	89,559,217.52	100.0%	84,281,423.72	100.0%	2,206,919,611.90	100.0%	2,259,669,521.24	100.0%
Bayaran	16,183,816.87	18.3%	21,132,383.39	25.1%	266,775,871.14	39.3%	683,032,661.75	30.2%
Tanggungang	32,691,745.64	36.9%	31,986,211.12	38.0%	158,508,025.63	23.4%	1,219,639,702.83	54.0%
Baki	39,727,955.01	44.8%	31,162,829.21	37.0%	253,448,618.93	37.3%	356,997,156.66	15.8%

**PRESTASI PERBELANJAAN PELAKSANAAN PROJEK/KERJA SENGARA JKR
SEHINGGA 21 SEPTEMBER 2020**

Cerapan Daripada SPB Vs Perolehan Secara Manual





KETUA PENGARAH KERJA RAYA
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld.11(11)

Tarikh : 4 Disember 2017

Semua Pengarah Kanan / Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR
Semua Pengarah Kerja Raya Negeri
Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan
Semua Pengarah / Pengurus Pembinaan
Pengarah JKR Unit Khas
Pengarah JKR KESEDAR
Semua Jurutera Daerah

SURAT ARAHAN KPKR BIL. 30/2017

**PENGUNAAN SISTEM PEMANTAUAN SENGGARAAN BERSEPADU
(SPSB) DALAM SISTEM KERJA JKR MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

1.1 Surat arahan ini bertujuan untuk **memaklumkan** :

- i. Penggunaan Sistem Pemantauan Senggaraan Bersepadu (SPSB) secara atas talian (*on-line*) dalam memantau pelaksanaan pengurusan penyenggaraan aset yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia; dan
- ii. Penguatkuasaan penggunaan **SPSB** dalam Sistem Kerja JKR Malaysia mulai **1 Januari 2018**.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 SPSB merupakan satu usaha berterusan JKR dalam mempertingkatkan lagi keberkesanan pemantauan pengurusan penyenggaraan menggunakan kemudahan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*ICT*).


1/5

Jabatan Kerja Raya Malaysia

Public Works Department Malaysia

Aras 33, Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur

Tel.: 03- 2618 8421 Faks: 03-2618 8799 <https://www.jkr.gov.my>



CERTIFIED TO ISO 9001:2004
PCDT MP - 80 0001



CERTIFIED TO ISO 14001:2004
PCDT MP - 80 0002



CERTIFIED TO OHSAS 18001:2007
PCDT MP - 80 0003



CERTIFIED TO ISO 50001:2011
PCDT MP - 80 0004

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld.11(II)

Tarikh : 4 Disember 2017

2.2 Penggunaan Sistem Pemantauan Senggaraan (SPS) bermula di Cawangan Kejuruteraan Senggara (CKS) pada tahun 2010 kerana penglibatan jabatan dalam pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan yang melibatkan Bahagian Senggara Fasiliti Jalan (BSFJ) dan Bahagian Senggara Fasiliti Bangunan (BSFB) pada ketika itu. Penggunaannya kini diperluaskan kepada semua Cawangan di Ibu Pejabat JKR termasuk JKR Negeri/JKR Daerah yang menjalankan pengurusan penyenggaraan terhadap aset-aset yang dipertanggungjawabkan kepada Cawangan/ JKR Negeri/ JKR Daerah terutamanya aset di bawah milikan Kementerian Kerja Raya (KKR) dan seliaan JKR.

2.3 Kerja penyenggaraan tidak dilaksanakan menggunakan Sistem Pengurusan Projek JKR (SKALA) kerana ia tidak melibatkan proses rekabentuk teliti. Jangkamasa bagi proses perolehan dan pelaksanaan kerja penyenggaraan juga adalah singkat.

3.0 SKOP PENGGUNAAN SPSB

3.1 Skop pematuhan terhadap penggunaan SPSB adalah seperti berikut:

- a) Kerja penyenggaraan bagi aset tak alih yang perolehannya dilaksanakan secara undi/pusingan, lantikan terus, sebut harga dan tender; atau
- b) Bajet yang diluluskan di bawah peruntukan Belanja Mengurus atau peruntukan khusus yang ditakrifkan oleh Pelanggan untuk kerja senggaraan.

4.0 KAWALAN DAN PELAKSANAAN SPSB

4.1 Penggunaan SPSB dikawal secara atas talian dan boleh diakses melalui laman web JKR di <http://spsb.jkr.gov.my>.

4.2 Rujukan Manual SPSB boleh dimohon kepada Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat dan boleh dicapai di laman web SPSB melalui alamat <http://spsb.jkr.gov.my>.

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld.11(II)

Tarikh : 4 Disember 2017

4.3 Sebarang pertanyaan berkenaan SPSB boleh dikemukakan kepada:

Pengarah,
Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 1, Blok F,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2610 7243
Faks : 03-2694 7762

5.0 LANTIKAN PEGAWAI DAN TANGGUNGJAWAB

- 5.1 Pelantikan Pegawai bagi penggunaan SPSB hendaklah dibuat oleh Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan Ibu Pejabat/JKR Negeri/JKR Daerah masing-masing. Pegawai berkenaan hendaklah melaksanakan aktiviti-aktiviti berdasarkan keperluan jabatan dengan berpandukan Manual Pengguna SPSB yang telah disediakan dan memastikan ianya dilaksanakan sepenuhnya.
- 5.2 Semua Pengarah Berkenaan (PB) bertanggungjawab untuk memastikan bahawa hanya kerja yang dikategorikan sebagai kerja senggara sahaja yang perlu didaftarkan di dalam SPSB.
- 5.3 Pegawai yang dilantik adalah bertanggungjawab untuk menjalankan tugas sepertimana yang disenaraikan serta mematuhi dan melaksanakan sepenuhnya tugas yang dipertanggungjawabkan merangkumi aspek peningkatan pengetahuan dan kemahiran.
- 5.4 Pegawai yang dilantik juga bertanggungjawab untuk memastikan sistem ini dipatuhi sepenuhnya.
- 5.5 Peranan dan tanggungjawab untuk pelaksanaan sistem adalah seperti yang terkandung di dalam **Manual Pengguna SPSB**.

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld.11(II)
Tarikh : 4 Disember 2017

5.0 KUAT KUASA

- 5.1 Surat Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia ditandatangani dan akan disemak sekiranya terdapat arahan dasar terkini atau perkembangan baru yang memerlukan dikaji semula dan dikemas kini.
- 5.2 Penggunaan **SPSB** adalah **berkuat kuasa** mulai **1 JANUARI 2018**.
- 5.3 Sebarang pengecualian kepada penggunaan **SPSB** ini, secara keseluruhan ataupun sebahagiannya, hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pengarah Kerja Raya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI Ir. Dr. ROSLAN BIN MD TAHA)

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld.11(II)

Tarikh : 4 Disember 2017

- s.k.
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)
 - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)
 - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
 - Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat



KETUA PENGARAH KERJA RAYA

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS

Ruj. Kami : (47) JKR-KPKR:100.010/05.Jld.27

Tarikh : 2 September 2020

SENARAI SEPERTI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENDAFTARAN DAN PEMANTAUAN PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH JABATAN KERJA RAYA DI DALAM SISTEM KAWAL DAN LAPOR (SKALA) DAN SISTEM PEMANTAUAN SENGGARAAN BERSEPADU (SPSB)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Jabatan telah membangunkan **Sistem Kawal Dan Lapor (SKALA)** dan **Sistem Pemantauan Senggaraan Bersepadu (SPSB)** bagi tujuan memantau dan melapor prestasi pelaksanaan projek termasuk kerja-kerja ubahsuai, naik taraf dan kerja senggara dari peringkat penerimaan sehingga penyerahan projek fizikal. Ianya juga merangkumi pelaporan bagi penutupan akaun kontrak untuk semua projek kerja sama ada perolehan berkenaan dilaksanakan secara tender atau sebut harga.
3. Dukacita didapati, masih terdapat JKR Ibu Pejabat/JKR Negeri yang tidak mendaftarkan dan mengemaskini SKALA bilamana status projek dibentang di dalam mesyuarat-mesyuarat di peringkat pengurusan atasan.
4. Sehubungan dengan itu, adalah diingatkan semua Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan di Sektor Pakar, Sektor Bangunan dan Sektor Infra serta Pengarah JKR Negeri/Pengarah JKR Wilayah Persekutuan adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua projek di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan didaftarkan di dalam SKALA dan SPSB bagi membolehkan projek-projek dipantau dan mempunyai integriti data yang tepat.

1/8

Jabatan Kerja Raya Malaysia

Public Works Department Malaysia

Aras 33, Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur
Tel.: 03- 2618 8421 Faks: 03-2618 8799 <https://www.jkr.gov.my>




Ruj. Kami : (47) JKR-KPKR:100.010/05.Jld.27
Tarikh : 2 September 2020

5. Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan diminta untuk meneruskan mesyuarat pemantauan projek di peringkat Cawangan/Negeri dengan mengunapakai data SKALA sebagai asas rujukan bagi memastikan pemantauan status projek dan pemantauan status pengemaskinian SKALA di adakan secara serentak. Tindakan segera YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diharapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' Ir. HAJI MOHAMAD ZULKEFLY BIN SULAIMAN)